



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	29/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	JMG/ JUPEM		

Syor bangun sistem amaran awal tangani risiko bencana geologi

BH, 29 Sept
2021.22

Yan: Institut Geologi Malaysia menyarankan Kerajaan Pusat segera melabur dalam pengurusan bencana bagi mengurangkan risiko tragedi membabitkan alam sekitar di negara ini.

Presidennya, Abd Rasid Jaapar, berkata negara mempunyai kepakaran tempatan yang mampu membangunkan sistem amaran awal di tempat yang dikenal pasti berisiko berlaku bencana geologi.

Beliau berkata, sistem amaran awal itu sudah digunakan pihak swasta seperti Projek Lebuh Raya Selatan (PLUS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memantau aset milik mereka, tetapi tidak dibangunkan sepenuhnya bagi kegunaan awam.

"Sebagai negara yang mandatangani Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), kita memerlukan sistem yang mampu mengurangkan risiko berlaku bencana seperti yang ada di Hong Kong dan Taiwan dalam memantau kawasan berisiko.

"Kerajaan harus berani melabur dalam pengurusan pengurangan risiko bencana geologi bermula dari fasa menentukan kawasan berpotensi, sistem amaran awal dan mitigasi risiko serta meningkatkan daya tahan komuniti setempat," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Institut Geologi Malaysia bersama pakar geologi tempatan melakukan lawatan teknikal ke tapak kejadian aliran puing Gunung Jerai yang diketuai Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman.

Dalam kejadian 18 Ogos lalu, fenomena kepala air dan banjir lumpur yang berlaku di kaki Gunung Jerai menyebabkan kerosakan lebih 1,000 rumah penduduk dan mengorbankan enam nyawa.

Abd Rasid berkata, peralatan

“Kita boleh guna teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam membangunkan sistem amaran awal sendiri dan boleh disambung ke kemudahan milik Jabatan Mineral dan Geosains atau PBT di seluruh negara”



Abd Rasid Jaapar,
Presiden
Institut Geologi
Malaysia

bagi membina sistem amaran awal itu boleh diimport dari luar negara dan pakar tempatan boleh membantu membangunkan rangkaian bagi sistem pemantauan tempatan berkenaan.

"Kita boleh menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam membangunkan sistem amaran awal sendiri dan boleh disambung ke kemudahan milik Jabatan Mineral dan Geosains atau pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

"Alat pengesanan ini boleh dibina dalam bentuk bergerak dan boleh dipasang mengikut musim tertentu. Contohnya, ketika waktu tengkujuh yang menyebabkan kawasan tertentu berisiko berlaku tanah runtuh," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga perlu segera melakukan pemetaan potensi bahaya dan risiko aliran puing di kawasan tanah tinggi, termasuk hutan simpan dan zon pertanian berdekatan penempatan yang rendah.